

>> KHAS > COVID-19 > Lebih sejuta vaksin Covid-19 dijangka tiba 29 Mac ini

Lebih sejuta vaksin Covid-19 dijangka tiba 29 Mac ini

HASNIZA HUSSAIN | 20 Februari 2021



Pesawat Airbus A330-300 milik Malaysia Airlines akan membawa Vaksin Pfizer-BioNTech ke Zon Bebas Komersil (FKZ) Maskargo KLIA. Foto Bernama

Covid-19 di Malaysia diramal teruk, 20,000 kes harian pada Mac

A⁻ A⁺

[Baca cerita seterusnya >](#)

SHAH ALAM - Penghantaran kesemua 1,000,350 dos vaksin Pfizer-BioNTech dijangka tiba di Malaysia pada 29 Mac ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, vaksin tersebut akan tiba pada setiap minggu dan bekalan pertama sebanyak 312,390 dos akan tiba di negara ini pada Ahad.

"Kerajaan Malaysia telah memesan sebanyak 32 juta dos vaksin Pfizer-BioNTech. Penghantaran pertama akan tiba esok (Ahad), manakala penghantaran kedua akan tiba pada 1 Mac diikuti seterusnya pada 8 Mac, 15 Mac dan 22 Mac.

"Jadi menjelang 29 Mac, kita akan mempunyai kesemua 1,000,350 dos vaksin Pfizer-BioNTech," katanya seperti dilaporkan portal CodeBlue pada Sabtu.

Khairy mendedahkan perkara itu pada sebuah program yang membincangkan isu vaksin Covid-19 yang diadakan di platform audio Clubhouse pada Jumaat.

Sementara itu, Khairy yang mengetuai Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF) berkata, seramai 300,000 petugas barisan hadapan, antaranya membabitkan kakitangan pengurusan dan profesional di sektor kesihatan termasuk pegawai perubatan, ahli farmasi, pegawai sains, jururawat serta paramedik akan diberikan vaksin pada fasa pertama Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan yang akan dilaksanakan pada 26 Februari ini.

Bagi sektor kesihatan pula, katanya, ia cukup komprehensif dan merangkumi sistem penjagaan kesihatan awam dan swasta.

Menurutnya, suntikan vaksin fasa pertama juga akan diberikan kepada kira-kira 200,000 petugas barisan hadapan bukan daripada sektor kesihatan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Penjara, Jabatan Imigresen, Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Saya juga menerima permintaan untuk memasukkan guru sekolah, pendakwah agama serta pekerja di sektor pengangkutan seperti kru kabin, juruterbang dan kru perkapalan dalam kumpulan pertama yang menerima vaksin.

"Ketika ini, kita mengalami masalah kekurangan bekalan vaksin. Jika mendapat keizinan daripada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk meluluskan beberapa lagi vaksin lain yang akan datang seperti Sinovac dan Sputnik, mungkin lebih ramai lagi dapat dimasukkan dalam senarai perkhidmatan utama untuk menerima vaksin," katanya kepada CodeBlue.

Tegas beliau, pihaknya juga akan membuat penilaian risiko ke atas semua kelompok terbabit bagi melihat sejauh mana risiko pendedahan jangkitan Covid-19 kepada mereka ketika menjalankan tugas.

Isu murtad: Yadim sedia kerjasama dengan NGO beri penjelasan ✕

vaksin Covid-19 Khairy Jamaluddin Abu Bakar

Covid-19 di Malaysia diramal teruk, 20,000 kes harian pada Mac

[Baca cerita seterusnya >](#)

TERKINI | POPULAR

- 1 Isu murtad: Yadim sedia kerjasama dengan NGO beri penjelasan
- 2 UMNO nafi laporan MKT tolak kerjasama Bersatu, PN
- 3 Kelantan benar buka kedai makan sehingga 12 malam
- 4 Calon SPM positif Covid-19 di Kelantan tidak duduki...
- 5 Isu dua geng, bila masa wujud dalam Pas?

Dapatkan informasi dan statistik terkini penularan wabak Covid-19 di Malaysia di sini:
<https://info.sinarharian.com.my/koronavirus>

Apakah reaksi anda?

Powered by  Vuukle



Gembira



Biasa Jer



Terhibur



Teruja



Marah



Sedih

Covid-19 di Malaysia diramal teruk, 20,000 kes harian pada Mac

[Baca cerita seterusnya >](#)

Artikel Berkaitan



Vaksin Covid-19: Kerajaan tanggung RM77.35 bagi setiap rakyat

PUTRAJAYA - Kerajaan menanggung sebanyak RM77.35 bagi setiap rakyat negara ini yang menerima vaksin Covid-19.



Hanya golongan dewasa terima agihan vaksin Covid-19

KUALA LUMPUR - Pengagihan vaksin koronavirus (Covid-19) yang dijangka diterima pada suku pertama tahun depan tidak membabitkan kanak-kanak...



Malaysia tidak terjejas dalam isu pembekalan dos vaksin Covid-19

KUALA LUMPUR - Isu pembekalan dos vaksin Covid-19 yang dihadapi syarikat farmaseutikal Pfizer sebagaimana dakwaan media antarabangsa tidak akan...



Kerajaan teliti cadangan vaksin percuma kepada pekerja asing

KUALA LUMPUR - Kerajaan sedang meneliti untuk mempertimbangkan pemberian vaksin Covid-19 secara percuma kepada pekerja dan warga asing yang tinggal di...



Vaksin diuji terlebih dahulu sebelum masuk Malaysia

REMBAU - Vaksin Covid-19 yang dibeli kerajaan Malaysia daripada syarikat Pfizer dan Astrazeneca telah diuji secara klinikal kepada puluhan ribu...



Kerajaan sasar 70 peratus rakyat terima Vaksin Covid-19 tahun depan

KUALA LUMPUR - Malaysia meletakkan sasaran 70 peratus daripada keseluruhan populasi negara bagi pembentukan imuniti kelompok di bawah Pelan Imunisasi...

Covid-19 di Malaysia diramal teruk, 20,000 kes harian pada Mac

[Baca cerita seterusnya >](#)

Newsletter

Berita Telus & Tulus hanya untuk anda setiap hari. Langgan Sekarang!

Email

Nama

Saya telah memahami dan bersetuju dengan Polisi Data Peribadi.

Langgan

DMCA PROTECTED

Covid-19 di Malaysia diramal teruk, 20,000 kes harian pada Mac

SHAH ALAM - Kes Covid-19 di Malaysia diramalkan meningkat sehingga 20,000 jangkitan setiap hari bermula 3 Mac tahun ini.

Sinarharian

Masak dan menang! Wang tunai berjumlah RM350,000 menanti anda!

Nestle Maggi | Sponsored

Covid-19 di Malaysia diramal teruk, 20,000 kes
harian pada Mac

limited access to Bloomberg.com at 50% off.

loomberg

Baca cerita seterusnya [▶](#)
Subscribe Now

lasak dan menang! Wang tunai berjumlah RM350,000 menanti anda!

astle Maggi

ikmati hingga 4X Mata Ganjaran di Shell.

hell Malaysia

ara paling mudah untuk singkirkan lemak perut!

stoslim

Cawan (Sebelum Tidur), Membakar Lemak Perut Seperti Gila.

ltra Fast Keto Boost

entikan kesakitan di seluruh badan!

ERITA & SAINS MALAYSIA

esakitan pada sendi anda akan hilang selamanya

ERSATUAN KESIHATAN MASYARAKAT

apat Ekstra mata ganjaran dengan BonusLink

hell Malaysia

Sponsored Links by Taboo

Covid-19 di Malaysia diramal teruk, 20,000 kes
harian pada Mac

Baca cerita seterusnya >